

MAHATHIR-TENAGA

1980

KUALA LUMPUR, 1 DIS. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA SEDANG MELANCARKAN SATU RANCANGAN PENJIMATAN TENAGA YANG MENYELURUH BERTUJUAN MENCAPAI KECUKUPAN SENDIRI.

KATANYA, STRATEGI TENAGA NEGARA INI BUKAN SAHAJA UNTUK BERGANTUNG KEPADA SATU SUMBER SEMATA-MATA TETAPI EMPAT PUNCA BAHAN BAKAR IAITU MINYAK, KUASA-HAIDRO, GAS DAN ARANG BATU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN PENJIMATAN MINYAK ADALAH PENTING KERANA 85 PERATUS DARIPADA PENJAJANAN TENAGA NEGARA SEKARANG MENGGUNAKAN MINYAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN TIMUR JAUH MENGENAI PERUSAHAAN TENAGA DAN BEKALAN ELEKTRIK YANG KETIGA DI SINI HARI INI. SIDANG LIMA HARI ITU DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 300 ORANG WAKIL DARI 15 NEGARA.

BELIAU MENJELASKAN PENYEMAKAN SEMULA TARIF ELEKTRIK BARU-BARU INI BERTUJUAN MENJIMATKAN PENGGUNAAN TENAGA MANAKALA CADANGAN MENGENAKAN BAYARAN SERCAJ KE ATAS PARA PENGGUNA YANG MENGGUNAKAN LEBIH DARIPADA 200,000 UNIT SEBULAN BERTUJUAN MENGURANGKAN PEMBAZIRAN.

+LANGKAH SEDANG DIAMBIL BAGI MENGADAKAN SEKIM MINI HAIDRO DI SELURUH NEGARA UNTUK MENTEROKA SETIAP PUNCA KUASA HAIDRO YANG TERDAPAT DI NEGARA INI+, UJARNYA. —BERSAMBUNG 1508/BY

MAHATHIR-TENAGA 2 KUALA LUMPUR

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA KEMUDIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CADANGAN SERCAJ ITU DITUJUKAN KEPADA PENGUNA-PENGGUNA BESAR SEPERTI PENGELUAR DAN KILANG-KILANG.

BELIAU MENDAPATI ADA SETENGAH-SETENGAH KILANG YANG TIDAK DAPAT MENGURANGKAN LAGI PENGGUNAAN TENAGA MEREKA TETAPI ADA BIDANG DI MANA MEREKA BOLEH BERJIMAT SELAIN DARI SEGI PENGELUARAN.

SEBAGAI CONTOH, DI JEPUN TERDAPAT PEKILANG-PEKILANG YANG MENGURANGKAN PENGGUNAAN ALAT PENGHAWA DINGIN.

MENYENTUH TENTANG PERLUNYA PENGGUNAAN BAHAN BAKAR GANTIAN SELAIN DARI MINYAK, BELIAU BERKATA LANGKAH ITU MEMERLUKAN PELABURAN WANG YANG BESAR UNTUK MENDATANGKAN KESAN.

SATU PENYELESAIAN NASIONAL SAHAJA MUNGKIN TIDAK AKAN MENCUKUPI, TAMBAHNYA+.

+PENYELESAIAN SERANTAU MUNGKIN PERLU BAGI MENDAPATKAN FAEDAH DARI PELABURAN SEBEGITU BESAR. PENYELESAIAN SERANTAU PULA BERMAKNA SISTEM TENAGA SERANTAU SEPERTI GRID TENAGA ASEAN, + UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH TELAH PUN DIAMBIL UNTUK MENYAMBUNG SISTEM TENAGA LEMBAGA ELETRIK NEGARA DENGAN SISTEM YANG DIKENDALIKAN OLEH LEMBAGA TENAGA-ELEKTRIK THAILAND DAN LEMBAGA KEMUDAHAN AWAM SINGAPURA DALAM SEMANGAT KERJASAMA RANTAUAN ASEAN.

LANGKAH SELANJUTNYA IALAH MENYAMBUNGAN SISTEM ITU DENGAN SISTEM DI INDONESIA DAN FILIPINA. —BERSAMBUNG 1511/BY

MAHATHIR-TENAGA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI SAMBUNGAN DI DALAM NEGERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYELESAIAN KEDUA IALAH SAMBUNGAN ANTARA SARAWAK DENGAN SEMENANJUNG MALAYSIA.

KATANYA SARAWAK YANG KAYA DENGAN POTENSI KUASA HAIDRO ELEKTRIK DIANGGARKAN BERKEUPAYAAN MENGELUARKAN 190 WATT TENAGA ELEKTRIK SEJAM TIAP-TIAP TAHUN.

BELIAU BERKATA SALAH SATU KAWASAN TERBESAR IALAH JERAM PELAGUS DI MANA PEMBINAAN SEBUAH EMPANGAN SAHAJA DI SUNGAI DI SITU BOLEH MENGELUARKAN 1.400 MEGAWATT DAN PURATA KIRA-KIRA

SEMBILAN WATT SEJAM SETIAP TAHUN.

MENURUT BELIAU, PERMINTAAN MAKSIMA SARAWAK SEKARANG ADALAH KURANG DARI 100 MEGAWATT DAN OLEH ITU ADALAH DICADANGKAN SUPAYA KUASA HAIDRO NEGERI ITU DISALURKAN KE SEMENANJUNG MALAYSIA MELALUI HUBUNGAN KEBEL DASAR LAUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBELUM INI PENGGUNAAN KUASA AIR TERHAD KEPADA PROJEK-PROJEK HAIDRO ELEKTRIK YANG BESAR SAHAJA DAN KIRA-KIRA 15 PERATUS DARIPADA KUASA ELEKTRIK DI NEGERA INI DIJANA MELALUI CARA INI.

TAMBAHNYA "LANGKAH SEDANG DIAMBIL UNTUK MENGADAKAN SEKIM MINI HAIDRO DI SELURUH NEGERA BAGI MENTEROKA SETIAP SUMBER KUASA HAIDRO YANG ADA.

"SETAKAT INI SEBANYAK 120 PROJEK SEPerti ITU T TELAH DIKENAL-PASTI DAN APABILA IANYA DILANCARKAN KELAK, IA AKAN DAPAT MENGURANGKAN BEBAN KE ATAS SISTEM KEBANGSAAN."

MENGENAI PENJANAAN TENAGA DARI BAHAN-BAHAN BUANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI CONTOH MALAYSIA SEKARANG MEMBAKAR BEGITU BANYAK SEKAM PADI SETIAP TAHUN YANG MENYEBABKAN PENCEMARAN TANPA MENDATANGKAN APA-APA FAEEDAH.

KERAJAAN KINI BERCADANG SUPAYA BAHANG YANG TERBUANG ITU DIGUNAKAN UNTUK MENJANA ELEKTRIK UNTUK KEGUANAAN KILANG-KILANG PADJ DAN KAWASAN SEKITARNYA.

MAHATHIR-TEKAGA 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, Pengerusi Persidangan itu, TAN SRI ABU ZARIM HAJI OMAR DALAM UCAPANNYA BERKATA SEBAGAI SUSULAN KEPADA PERSIDANGAN SEBELUMNYA DI HONG KONG, PIHAK PENGANJUR TELAH MENYIAPKAN RANGKA PERLEMBAGAAN BAGI MENAMAKAN SEMULA SIDANG TERSEBUT JIKA PERLU DAN MENUBUHKAN DEBUAH SEKTETARIAT.

SEKRETARIAT ITU, ANTARA LAIN, AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN DAN PERJALANAN PERSIDANGAN DI MASA DEPAN.

BELIAU YANG JUGA PENGURUS BESAR LLN BERKATA PIHAK JAWATAN-KUASA TELAH MENGTUR TIGA SESSI BAGI MEMBINCANGKAN RANGKA TERSEBUT DAN BERHARAP IANYA AKAN DITERIMA DI AKHIR PERSIDANGAN ITU NANTI.

SEJUMLAH 74 KERTASKERJA AKAN DIBENTANGKAN DALAM SIDANG ITU. NEGERA-NEGERA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN IALAH NEGERI THAI, SINGAPURA, INDONESIA, FILIPINA, JEPUN, KOREA SELATAN, CHINA, HONG KONG, UNITED KINGDOM, AUSTRALIA, SWEDEN, SWITZERLAND, PAPUA NEW GUINEA, BRUNEI DAN MALAYSIA.

—BERNAMA 1525/AN